

Program Geografi UMS laksana CSR di Tamparuli

NET 21.2.2018 7



PESERTA...Kesemua yang terlibat dalam program CSR mengambil gambar sebelum acara bermula.

TAMPARULI: Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Program Mentor Mentee HA18 Geografi mengadakan Kempen Kebersihan di Pekan Tamparuli, baru-baru ini.

Diadakan dengan kerjasama stesen radio VOKFM dan Pejabat Daerah Kecil Tamparuli, program itu memfokuskan kawasan tapak tamu dan lot letak kereta Bataras di daerah itu sebagai satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh FKSW, ia melibatkan seramai 50 pelajar jurusan Geografi serta empat

pensyarah.

Program yang bermula seawal jam 7.00 pagi itu menyasarkan orang awam yang berkunjung ke dua lokasi yang difokuskan berkenaan bagi memberikan pendedahan tentang kesedaran kebersihan alam sekitar.

Selain itu, kenyataan tersebut juga memaklumkan bahawa program berkenaan juga bertujuan untuk mendidik mahasiswa yang terlibat teknik interaksi yang berkesan bersama komuniti setempat.

Turut menjayakan program itu ialah Balai Polis Diraja Malaysia cawangan Tamparuli.